

**PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1413 HIJRAH/1993 MASIHI**  
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, 25 March 1993

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar  
Walillahilhamd

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subha nahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita sekali lagi menyambut Hari Raya yang mulia pada tahun ini dalam keadaan aman dan sejahtera. Sungguhpun kita telah selamat menyempurnakan ibadat berpuasa selama sebulan, daripada berpuasa masih boleh dirasai. Hari Raya Aidilfitri memang dinanti-nantikan oleh umat kejayaan kita menguji kesabaran, ketabahan diri serta kemampuan kita untuk mengawal segala nafsu. Kalau kita berpuasa semata-mata kerana ia adalah satu ibadat yang wajib dalam Islam tanpa mempelajari bagaimana mendisiplinkan diri dan mengawal nafsu, maka kita tidak akan mendapat hikmat dan nikmat sepenuhnya daripada ibadat berpuasa. Yang dirasai hanyalah keletihan dan kelesuan kerana lapar dan dahaga. Sebaliknya disiplin diri yang diperlukan oleh ibadat puasa akan menjadi manusia yang lebih insaf, bersyukur dan bersedia untuk menghadapi apa juga cabaran. Mereka ini tetap akan menjadi manusia yang lebih berjaya dan umat Islam yang lebih mulia dan dihormati.

2. Umat Islam di Malaysia patut bersyukur kerana pada keseluruhannya kita tidak menghadapi masalah-masalah besar yang sering dihadapi oleh orang-orang Islam dan negara-negara Islam yang lain. Berkat ekonomi yang kukuh dan politik yang stabil, umat Islam di negara ini dikurniakan Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan berbagai-bagai nikmat dan rezeki. Kita tinggal dalam keadaan aman, damai dan berharmoni walaupun diantara orang Islam dengan bukan Islam. Kita juga harus insaf kerana negara kita tidak ditimpa malapetaka yang serius seperti gempa, letupan gunung berapi yang mengalir berbatu-batu, meragut ribuan nyawa. Kita juga tidak diperangi dan ditakluki oleh musuh atau dilanda perang saudara. Jika ada masyarakat Islam yang harus bersyukur di zaman kegentingan bagi umat Islam ini, kitalah yang harus bersyukur.

3. tubuh kerana segala-galanya adalah takdir Ilahi. Takdir tidak bermakna bahawa oleh kerana apa yang akan berlaku tetap akan berlaku, maka kita tidak perlu berusaha untuk mempengaruhi apa yang akan berlaku. Sebenarnya apa yang berlaku kerana usaha dan ikhtiar kita, juga tergolong dalam apa yang telah ditakdirkan. Ini adalah kerana jika usaha di buat sekalipun kadang-kadang hasil yang diharapkan tidak tercapai kerana ditakdirkan demikian. Tetapi kemungkinan yang besar ialah hasil boleh dicapai melalui usaha dan ikhtiar

daripada hanya berdiam diri, berpeluk tubuh menunggu nikmat gugur kepangkuan kita.

4. Hakikatnya ialah sebahagian besar kemakmuran dan kestabilan negara kita adalah hasil usaha, sikap dan pendekatan kita. Untuk mengekalkan keamanan dan meningkatkan lagi kemakmuran negara kita, ikhtiar dan usaha yang lebih gigih perlu dilakukan oleh semua pihak; Kerajaan, swasta, pekerja dan orang awam keseluruhannya. Ikhtiar dan usaha memerlukan kesabaran, ketekunan dan pengorbanan; yang mana ini semua adalah sifat-sifat yang datang dengan ibadat berpuasa. Sebab itu, puasa membawa hikmat yang lebih daripada hanya mendapat ganjaran di akhirat.

5. Ahamdulillah, tanda-tanda dan bukti sudah ada bahawa usaha dan ikhtiar kita telah berjaya meletakkan negara dan bangsa kita dan dengan itu agama kita di tahap yang lebih dihormati. Negara-negara Islam juga peranan yang dimainkan oleh kita dalam usaha umat Islam mengembalikan zaman kecemerlangan Islam. Ini meletakkan tanggungjawab yang lebih berat ke atas tidak boleh mengabaikan tanggungjawab ini kerana ini adalah tanggungjawab yang mulia, dan menjadi sebahagian daripada ibadat kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala.

6. Di Malaysia, kita memberi perhatian yang seimbang kepada kejayaan di dunia dan di akhirat. Mengabaikan kejayaan di dunia tetap akan menjejaskan kejayaan di akhirat. Sebab itu Islam menganggap kemiskinan sebagai ancaman kepada iman seseorang Islam. Sebabnya hari ini umat Islam ditekan dan dihina ialah kerana mereka miskin, baik daripada segi harta benda, ilmu pengetahuan atau kecekapan dalam bidang pembuatan dan teknologi. Sebaliknya tanpa membelakangkan ibadat untuk akhirat, kekayaan dan kejayaan di dunia dalam semua bidang boleh diperolehi.

7. Yang menakutkan kita terhadap kejayaan dunia ialah tentang mudahnya masyarakat yang terlalu berjaya membelakangkan agama. Di kalangan orang bukan Islam yang berjaya, kita lihat bagaimana mereka bukan sahaja hilang kepercayaan kepada agama tetapi juga kepada nilai-nilai moral dan etika. Muncul dan merebaknya penyakit AIDS umpamanya adalah disebabkan hubungan jenis yang sumbang, kebebasan seks yang keterlaluan dan keruntuhan institusi perkahwinan dan keluarga.

8. Tetapi jika didikan dan pengajaran agama ditumpu bukan semata-mata kepada ibadat dan amalan tertentu untuk akhirat, tetapi juga mengenai moral dan sikap yang diperlukan dalam menghadapi cabaran dunia moden ini, insya-Allah jika kita maju, kita tidak akan menggugurkan akhlak dan nilai-nilai moral yang boleh melindungi kita daripada dibinasakan oleh kejayaan dan kekayaan. Justeru itu, kita tidak harus takut

kepada kejayaan di dunia. Di samping itu kita harus ingat bahawa hanya jika kita maju sahaja, baharulah dapat kita menolong melindungi umat Islam lain yang ditindas seperti di Bosnia-Herzegovina dan di tempat-tempat lain. Orang Islam yang daif tetap tidak akan dapat berbakti, bahkan memelihara diri sendiri. Orang Islam yang berjaya lebih mungkin dan mampu untuk berbakti kepada agama dan umat.

9. Walaupun kemajuan Malaysia jelas dan diakui, termasuk oleh negara-negara Islam lain, kita masih jauh daripada matlamat kita, jauh daripada tahap yang diperlukan untuk mempertahankan agama, bangsa dan tanahair. Insha-Allah, jika kita pelajari daripada ibadat puasa kemungkinan kita mencapai matlamat adalah lebih cerah.

10. Segala-galanya akan ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Yang kita rancang dan kita usaha hanyalah suatu ikhtiar. Tahun 2020 masih jauh. Tetapi dalam sejarah manusia tiga puluh tahun adalah satu jangkamasa yang pendek. Tiga puluh tahun dalam sejarah Islam yang lebih daripada 1400 tahun pun tidaklah panjang. Tiga puluh tahun dalam sejarah hanyalah hari esok dalam hayat manusia. Justeru itu usaha mesti di mulakan dari sekarang dan diteruskan.

11. Namun kita perlu membuat persediaan. Tidak ada persediaan yang lebih penting dan mustajab daripada pem bentukan peribadi yang sesuai dengan matlamat. Sebab itu ibadat puasa memainkan peranan yang penting. Banyak pelajaran yang boleh diperolehi daripada ibadat puasa. Dalam kita gembira merayakan kejayaan kita berpuasa selama tiga puluh hari, hikmat berpuasa dan latihan yang kita terima tidak harus dilupai. Melupainya amatlah merugikan kerana kita telah berkorban begitu banyak semasa berpuasa.

12. Aidilfitri. Kita patut mengutamakan etika kekeluargaan. Kita tahu betapa pentingnya keluarga dalam memelihara budaya dan moral kita. Amalan balik ke kampung pada Hari Raya adalah satu amalan yang baik. Ia menghidup dan mengekalkan nilai-nilai kekeluargaan yang dituntut oleh agama Islam dan budaya kita. Ia menyumbang kepada pembentukan peribadi mulia yang kita perlukan bagi membentuk masyarakat dan bangsa yang mulia dan dihormati.

13. kampung ini. Tetapi ianya tetap ada. Jika kita sedar akan hikmat ini, maka kesannya daripada segi pengajaran tentulah lebih.